A

Premraj a/l Krishnasamy lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(M)-394–08 TAHUN 2018
HAS ZANAH MEHAT, ABU BAKAR JAIS DAN AHMAD ZAIDI IBRAHIM HHMR
31 MEI 2022

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh dengan pertuduhan membunuh — Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati — Sama ada keterangan yang dikemukakan membuktikan kes prima facie — Sama ada pembelaan perayu menimbulkan keraguan yang munasabah

D

Pada sebelah petang 10 November 2014, abang perayu iaitu mangsa tiba bersama isterinya ('SP6') dan pekerjanya ('SP10') di bangunan Avon di Petaling Jaya. Mangsa mahu mengambil lori keluar dari bangunan tersebut
E tetapi tidak dibenarkan oleh ketua pengawal keselamatan ('SP4') kerana di dalam lori tersebut terdapat barang-barang Avon. Mangsa meninggalkan beberapa nombor telefon kepada pengawal di situ sebelum mereka bertiga beredar dari situ. Kira-kira 10.30 malam hari yang sama, perayu bersama rakannya, Sasi yang bekerja sebagai kelindan di bahagian pengangkutan Avon
F di bangunan itu, telah tiba di situ menaiki kereta Waja. Ibu mangsa, Allagamah a/p Karuppiah ('Allagamah') juga bersama mereka. Perayu mendesak SP4 membenarkan lori tersebut dikeluarkan tetapi tidak dibenarkan oleh SP4. Sejurus kemudian, SP10 tiba dengan motosikal. SP10, perayu dan Sasi berbual di luar bangunan itu. Kemudian mangsa sampai menaiki kereta Hilux bersama
G SP6. Mangsa keluar dari kereta dan bertengkar dengan perayu. Ibu mangsa telah keluar dari kereta Wira dan berjumpa dengan mangsa. Kekecohan berlaku melibatkan mangsa, perayu, SP6 dan SP10. Ibu mangsa membawa mangsa ke kereta Hilux untuk meredakan keadaan. Perayu mengambil sebilah parang dari kereta Wira dan melibas parang ke arah SP10 hingga muka SP10
H tercedera. SP10 melarikan diri beberapa meter dari situ. Kemudian perayu menetak parang ke atas mangsa pula yang dilihat oleh SP10. SP6 juga melihat perbuatan perayu dan cuba membantu mangsa yang berlumuran darah. Perayu pergi ke kereta Wira dan memandu kereta tersebut ke arah SP6 dan mangsa dengan laju. Mangsa menolak SP6 dan kereta Wira melanggar kedua-dua kaki
I mangsa. Anggota polis dimaklumkan tentang pergaduhan di tempat kejadian. Anggota polis ('SP3') dan dua anggota polis lain kemudiannya tiba di tempat kejadian dan SP3 bertanya mangsa apa yang telah terjadi. Mangsa menjawab dalam Bahasa Melayu bahawa dia telah ditetak oleh saudaranya. Mangsa dibawa ke Hospital PPUM dan laporan polis telah dibuat. Sampai di hospital,

mangsa telah disahkan mati. Ketua Bahagian Forensik Patologi PPUM ('SP16') mendapati kematian mangsa akibat 'hemorrhagic shock due to multiple slash wound' yang disebabkan 'heavy short long bladed weapon'. Sebahagian kejadian telah dirakamkan melalui rakaman CCTV di pondok keselamatan tempat SP4 bertugas. Di Mahkamah Tinggi, perayu telah dituduh membunuh abangnya sendiri. Perayu telah disabitkan dengan pertuduhan tersebut dan dijatuhkan hukuman mati. Oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan, mengekalkan sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi:

(1) Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah lebih dari mencukupi untuk membuktikan satu kes prima facie di akhir kes pendakwaan. Setiap empat elemen untuk dibuktikan pihak pendakwaan untuk s 300(c) Kanun Keseksaan telah dibuktikan. Terdapat keterangan yang menunjukkan niat perayu untuk mencederakan mangsa (bencana tubuh) dan perayu tahu kecederaan yang dialami mangsa pada lazimnya boleh membawa kepada kematian. Perbuatan perayu mencederakan mangsa dengan parang dan melanggar mangsa bukanlah satu kemalangan yang tidak disengajakan dan kecederaan yang dialami mangsa adalah kerana niat perayu mendatangkan kecederaan yang pada lazimnya boleh membawa kematian. Perayu pada hakikatnya tidak mencabar keterangan bahawa kecederaan yang dialami mangsa akibat perbuatan perayu pada lazimnya boleh menyebabkan kematian mangsa (lihat perenggan 26, 30, 32 & 34–35).

(2) Keterangan ibu mangsa jika ada sekalipun tidak akan membangkitkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') yang bijaksana telah dengan betulnya mendapati bahawa saksi yang ditawarkan oleh pihak pendakwaan itu mesti merupakan saksi penting yang dapat menimbul keraguan yang munasabah untuk pembelaan. Kedudukan Allagamah tidak akan dapat membantu pembelaan perayu kerana terdapat tiga saksi termasuk saksi bebas, SP4 yang melihat perayu sendiri mencederakan mangsa. Oleh itu, ketiadaan Allagamah sebagai saksi pembelaan tidak memberi kesan kepada pembelaan perayu. Ketiadaan Allagamah untuk dipanggil menjadi saksi pembelaan juga tidak bermakna terdapat 'suppression of evidence'. Usaha yang mencukupi telah dibuat untuk mencari Allagamah oleh pegawai penyiasat dan pihak pendakwaan tidak boleh dipersalahkan mengenai perkara ini (lihat perenggan 36, 38 & 44).

(3) CCTV tidak boleh membuat rakaman semua kejadian kerana liputannya yang terhad. Apa yang lebih mustahak ialah tiga orang saksi nampak kejadian perayu menggunakan parang dan mencederakan mangsa. SP4 nampak perayu menetak mangsa menggunakan parang. Keterangan ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja dan tiada sebab untuk meragui keterangannya. Apakah atau dimana kedudukan 'tattoo' di tangan

perayu tidak menjejaskan hakikat SP4 nampak perayu menetak mangsa. Malahan, ketika disoal balas, SP4 menyatakan dia dapat mengecam perayu walaupun jika perayu tidak mempunyai 'tattoo' (lihat perenggan 46 & 49).

(4) Walaupun pembelaan perayu bahawa Sasi telah merampas parang dari SP10, ini tidak menimbulkan keraguan yang munasabah. HMT yang bijaksana telah memahami pembelaan perayu berkenaan perkara ini dan tiada kekhilafan telah berlaku. SP3 telah mendengar dari mangsa sendiri bahawa dia ditetak oleh saudaranya. Tidak ada sebab untuk mempertikaikan keterangan SP3 ini. Lagi pun kes pendawaan bukan disandarkan dengan kuat kepada 'dying declaration' tetapi kepada tiga saksi yang nampak perayu menggunakan parang terhadap mangsa termasuk saksi bebas SP4. Inti pati pembelaan juga telah diambil kira oleh HMT yang bijaksana. Hakikatnya pembelaan ini timbul hanya apabila perayu membela diri. Pembelaan ini langsung tidak ditimbulkan semasa saksi-saksi pihak pendakwaan memberikan keterangan. Lebih-lebih lagi apabila SP4, SP6 dan SP10 memberikan keterangan mereka bahawa mereka melihat perayu menggunakan parang untuk mencederakan mangsa. Pembelaan bahawa rakan perayu, Sasi yang telah mencederakan mangsa juga tidak mempunyai nilai kerana perayu tidak memanggil saksi yang nampak kejadian tersebut kecuali dirinya. Akibatnya pembelaan perayu hanya penafian semata-mata (lihat perenggan 53–54, 57 & 59–62).

[English summary

On the afternoon of 10 November 2014, the appellant's brother ie the victim, arrived with his wife ('SP6') and his employee ('SP10') at the Avon building in Petaling Jaya. The victim wanted to take the truck out of the building but was not allowed by the chief security guard ('SP4') because there were Avon items inside the truck. The victim left some phone numbers to the guards there before the three of them left. About 10.30pm the same night, the appellant along with his friend, Sasi who worked as an attendant in the Avon transport division of the building, had arrived there in a Waja car. The victim's mother, Allagamah a/p Karuppiah ('Allagamah') was also with them. The appellant urged SP4 to allow the lorry to be taken out but was not allowed by SP4. Shortly afterwards, SP10 arrived by a motorcycle. SP10, the appellant and Sasi chatted outside the building. Then the victim arrived in a Hilux car with SP6. The victim got out of the car and quarrelled with the appellant. The victim's mother got out of the Wira car and met the victim. The commotion took place involving the victim, the appellant, SP6 and SP10. The victim's mother took the victim to the Hilux car to calm the situation. The appellant took a parang from the Wira car and swung the parang towards SP10 until SP10's face was injured. SP10 fled a few meters from there. Then the appellant slashed the parang on the victim who was seen by SP10. SP6 also saw the appellant's

actions and tried to help the blood-stained victim. The appellant went to the Wira car and drove the car towards SP6 and the victim at high speed. The victim pushed SP6 and the Wira car hit both of the victim's legs. Police officers were informed of the fight at the scene. A policeman ('SP3') and two other policemen then arrived at the scene and SP3 asked the victim what had happened. The victim replied in Malay that he had been slashed by his brother. The victim was taken to UMMC Hospital and a police report was lodged. Arriving at the hospital, the victim was pronounced dead. The Head of the Forensic Pathology Division of UMMC ('SP16') found that the victim died due to 'hemorrhagic shock due to multiple slash wound' caused by 'heavy short long bladed weapon'. Part of the incident was recorded through a CCTV footage at the security hut where SP4 was on duty. In the High Court, the appellant was charged with killing his own brother. The appellant was convicted of the charge and sentenced to death. Hence, this appeal.

Held, affirming the sentence and conviction of the High Court:

(1) The evidence presented by the prosecution was more than sufficient to prove a prima facie case at the end of the prosecution's case. Each of the four elements to be proved by the prosecution for s 300 (c) of the Penal Code had been proved. There was evidence showing the appellant's intent to injure the victim (bodily harm) and the appellant knew the injuries sustained by the victim could usually lead to death. The appellant's act of injuring the victim with the parang and hitting the victim was not an unintentional accident and the injuries suffered by the victim were due to the appellant's intent to inflict injuries which could normally result in death. The appellant in fact did not challenge the evidence that the injuries sustained by the victim as a result of the appellant's actions could ordinarily result in the victim's death (see paras 26, 30, 32 & 34–35).

(2) The evidence of the victim's mother, if any, shall not raise reasonable doubt to the prosecution's case. The learned High Court judge ('HCJ') had rightly found that the witness offered by the prosecution must be an important witness who could raise reasonable doubt for the defence. Allagamah's position would not have helped the appellant's defence as there were three witnesses including an independent witness, SP4 who saw the appellant himself injuring the victim. Therefore, the absence of Allagamah as a defence witness did not affect the appellant's defence. The absence of Allagamah to be called as a defence witness also did not mean that there was 'suppression of evidence'. Sufficient efforts had been made to locate Allagamah by the investigating officer and the prosecution could not be blamed on this matter (see paras 36, 38 & 44).

(3) CCTV could not record all incidents due to its limited coverage. What was more important was that three witnesses saw the appellant use the

parang and injure the victim. SP4 saw the appellant slashing the victim with the parang. This evidence could not be dismissed and there was no reason to doubt its evidence. What or where the position of the 'tattoo' on the appellant's hand did not affect the fact that SP4 saw the appellant slashing the victim. In fact, when questioned, SP4 stated that he could identify the appellant even if the appellant did not have a 'tattoo' (see paras 46 & 49).

(4) Despite the appellant's defence that Sasi had seized the parang from SP10, this did not raise reasonable doubt. The learned HCJ had understood the appellant's defence in this matter and no error had occurred. SP3 had heard from the victim himself that he was slashed by his brother. There was no reason to dispute this statement by SP3. After all, the prosecution's case was not strongly based on the 'dying declaration' but on three witnesses who saw the appellant using the parang against the victim, including independent witness SP4. The essence of the defence has also been taken into account by the learned HCJ. The fact was that this defense arose only when the appellant defended himself. This defence was not raised at all when the prosecution witnesses testified. Even more so when SP4, SP6 and SP10 gave their evidence that they saw the appellant using the parang to injure the victim. The defence that the appellant's friend, Sasi had injured the victim was also of no value as the appellant did not call the witness who witnessed the incident except himself. Consequently, the appellant's defence was a mere denial (see paras 53–54, 57 & 59–62).]

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Najib bin Aris v PP [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800, MP (dirujuk)

Asnawi bin Yusuf v PP [2011] MLJU 492; [2012] 3 CLJ 41, MR (dirujuk)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal [2015] 2 MLJ 293, MP (dirujuk)

Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154, MR (dirujuk)

Mogan Raj a/l Ravi & Anor v PP and another appeal [2020] MLJU 48; [2020] 3 CLJ 240, MR (dirujuk)

Mr Losali v PP [2011] 4 MLJ 694; [2012] 2 CLJ 178, MR (dirujuk)

Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)

PP v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2) [1977] 1 MLJ 15 (dirujuk)

Salahuddin bin Orah v Pendakwa Raya [2015] MLJU 2158; [2015] 1 LNS 778, MR (dirujuk)

Sainal Abidin bin Mading v PP [1999] 4 MLJ 497, MR (dirujuk)

Siew Yoke Keong v PP [2013] 3 MLJ 630, MP (dirujuk)

Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212, MP (dirujuk)

Zulkiple bin Mohamad v PP [2022] 1 MLJ 479; [2022] 1 CLJ 673, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 299, 300, 300(c)
Kanun Tatacara Jenayah s 180

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45B-33–08 Tahun 2015 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Nagarajan a/l Periasamy (Vinoshini a/p Narayanasamy bersamanya) (Nagarajan Peri & Co) bagi pihak perayu.
Ku Hayati bt Ku Haron (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Abu Bakar Jais HMR:

PENGENALAN

[1] Di Mahkamah Tinggi, perayu dituduh dengan pertuduhan membunuh abangnya sendiri seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 10 November 2014, di antara jam 11.00 malam hingga jam 11.59 malam bertempat di hadapan Bangunan Avon Jalan 219/51A Petaling Jaya, di dalam daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah membunuh Prakash a/l Krishnasamy (No K/P: 760606–14–5071) dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[2] Perayu telah disabitkan dengan pertuduhan tersebut di Mahkamah Tinggi dan dijatuhkan hukuman mati. Perayu telah merayu ke Mahkamah Rayuan dan ini adalah alasan penghakiman kami terhadap rayuan tersebut.

KES PENDAKWAAN

[3] Pada sebelah petang 10 November 2014, SP4, Muhammad Nor Sollehin, ketua pengawal keselamatan di bangunan Avon seperti disebut di dalam pertuduhan sedang bertugas, apabila abang perayu iaitu mangsa, Prakash a/l Krishnasamy tiba bersama isterinya SP6, Santhamani a/p Ramasamy dan pekerjanya SP10, Gunasekharan a/l Vengadasalam. Mangsa mahu mengambil lori keluar dari bangunan tersebut tetapi tidak dibenarkan oleh SP4 kerana di dalam lori tersebut terdapat barang-barang Avon. Oleh kerana dilarang oleh SP4, mangsa meninggalkan beberapa nombor telefon kepada pengawal di situ sebelum mereka bertiga beredar dari situ.

A **[4]** Kemudian, kira-kira 10.30 malam hari yang sama, perayu bersama rakannya, seorang lelaki India bernama Sasi yang bekerja sebagai kelindan di bahagian pengangkutan Avon di bangunan itu, telah tiba di situ menaiki kereta Waja. Ibu mangsa juga bersama mereka. Tertuduh mendesak SP4 membenarkan lori tersebut dikeluarkan tetapi tidak dibenarkan oleh SP4.

B

[5] Sejurus kemudian, SP10 tiba dengan motosikal. SP10, perayu dan Sasi berbual di luar bangunan itu. Kemudian mangsa sampai menaiki kereta Hilux bersama SP6. Mangsa keluar dari kereta dan bertengkar dengan perayu. Ibu mangsa kemudian telah keluar dari kereta Wira dan berjumpa dengan mangsa. Kekecohan kemudian berlaku melibatkan mangsa, perayu, SP6 dan SP10. Perayu telah menyepak kaki SP6. Oleh itu, SP10 menegur perbuatan perayu. Ibu mangsa kemudian membawa mangsa ke kereta Hilux untuk meredakan keadaan.

C

D

[6] Perayu kemudian mengambil sebilah parang dari kereta Wira. Perayu melibas parang ke arah SP10 hingga muka SP10 tercedera. SP10 kemudian melarikan diri beberapa meter dari situ. Dia dikejar oleh perayu tetapi perayu berhenti mengejar SP10. Kemudian perayu menetak parang ke atas mangsa pula. Apabila perayu tidak mengejar SP10 lagi, SP10 nampak perayu menetak mangsa. SP10 mendengar perayu menjerit 'mati, mati' ketika menetak mangsa. SP6 juga melihat perbuatan perayu dan cuba membantu mangsa yang berlumuran darah. Perayu kemudian pergi ke kereta Wira dan memandu kereta tersebut ke arah SP6 dan mangsa dengan laju. Mangsa menolak SP6 dan kereta Wira melanggar kedua-dua kaki mangsa.

E

F

[7] Anggota polis, SP1, Kpl Normaini Mohd Nor menerima panggilan kira-kira pukul 11.45 malam memaklumkan terdapat pergaduhan di tempat kejadian. Anggota polis SP3, Jasmin Suhaili dan dua anggota polis lain kemudiannya tiba di tempat kejadian dan SP3 mendapati mangsa terbaring dengan kecederaan parah di luar pagar bangunan. SP3 bertanya mangsa apa yang telah terjadi. Mangsa menjawab dalam Bahasa Melayu bahawa dia telah ditetak oleh saudaranya. Mangsa kemudian dibawa ke Hospital PPUM dan laporan polis telah dibuat kemudiannya.

G

H

[8] Sampai di hospital, mangsa telah disahkan mati lebih kurang jam 12.21 pagi pada 11 November 2014. SP16, Dr Kasinathan Nadesan, Ketua Bahagian Forensik Pathologi PPUM kemudiannya menjalankan bedah siasat mayat mangsa. SP16 mendapati kematian mangsa akibat 'hemorrhagic shock due to multiple slash wound' yang disebabkan 'heavy short long bladed weapon'.

I

[9] Sebahagian kejadian telah dirakamkan melalui rakaman CCTV di pondok keselamatan tempat SP4 bertugas. Ini kemudiannya telah dimuat naik dan disalin oleh pihak polis.

DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[10] Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') yang bijaksana mendapati di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwaan perlu membuktikan empat elemen seperti berikut:

(a) mangsa telah mati;

(b) mangsa mati akibat kecederaan yang dialami;

(c) kecederaan yang dialami mangsa adalah akibat perbuatan perayu; dan

(d) perayu berniat mencederakan mangsa dan kecederaan tersebut lazimnya boleh menyebabkan kematian.

[11] HMT yang bijaksana mendapati elemen pertama iaitu kematian mangsa telah dibuktikan oleh keterangan SP16 yang telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat mangsa. Isteri mangsa, SP6 juga telah mengecam mayat mangsa.

[12] Berkenaan elemen kedua pula iaitu mangsa mati akibat kecederaan yang dialami, HMT yang bijaksana telah mendapati ini dibuktikan melalui keterangan SP16 yang melakukan bedah siasat. SP16 mendapati 26 kecederaan mangsa yang merupakan 'slash wound, incised wound, abrasion, superficial incised wound dan superficial cut'. Mangsa mati akibat pendarahan yang banyak menurut SP16. Beliau juga memberikan keterangan kecederaan-kecederaan ini pada lazimnya menyebabkan kematian.

[13] Berkenaan elemen ketiga pula, terdapat keterangan bahawa kecederaan yang dialami mangsa adalah akibat perbuatan perayu. Keterangan yang diberikan di mahkamah oleh SP4, SP6 dan SP10 ialah mereka melihat sendiri perayu telah menetak mangsa. HMT yang bijaksana mendapati tiada sebab untuk SP4 berbohong mengenai perkara ini kerana beliau merupakan saksi bebas yang tiada kaitan atau hubungan dengan mangsa atau perayu.

[14] Berkenaan elemen keempat pula, HMT yang bijaksana mendapati perayu berniat mencederakan mangsa dan kecederaan tersebut lazimnya boleh menyebabkan kematian. Ini dibuktikan antara lainnya dengan perayu menggunakan parang dan menyebut 'mati, mati' beberapa kali ketika menetak mangsa. Juga elemen ini dibuktikan apabila perayu mencederakan mangsa hingga terdapat 26 kecederaan di tubuh mangsa. Mangsa juga telah dilanggar oleh perayu dengan kereta Wira setelah perayu menetak mangsa.

[15] Meneliti kesemua keterangan yang ada secara maksimum, HMT yang bijaksana dengan itu mendapati di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie. Oleh itu perayu telah dipanggil membela diri.

PEMBELAAN

[16] Perayu memberikan keterangan secara bersumpah dan tidak memanggil sebarang saksi.

[17] Namun begitu, perayu memerlukan saksi yang ditawarkan oleh pihak pendakwaan iaitu Allagamah a/p Karuppiah yang merupakan ibu mangsa dan perayu untuk pembelaan. Namun demikian, pihak pendakwaan tidak dapat mengesan beliau. Oleh itu beliau tidak dapat dipanggil oleh pihak pembelaan sebagai saksi.

[18] Perayu memberikan keterangan dia bersama ibunya dan rakannya bernama Sasi telah pergi ke tempat kejadian. Perayu kemudian berjumpa dengan SP4 untuk mengambil lori di tempat kejadian. Kemudian mangsa dan SP10 pula sampai di tempat kejadian. Ibu mereka telah berjumpa dengan mangsa tetapi mangsa memarahi ibu mereka dengan nada yang tinggi. Ibu mereka melutut dan memegang kaki mangsa merayu mangsa tidak bergaduh dengan perayu mengenai lori tersebut. Sebaliknya ibu mereka telah disepak oleh mangsa. Ini menyebabkan perayu marah dan perayu telah menolak mangsa.

[19] Perayu dan rakannya Sasi juga telah dipukul dengan rantai besi oleh SP10. Kemudian SP10 mengambil parang dari kereta Hilux. Parang tersebut terjatuh. Perayu ambil parang dan pukul SP10 dengan parang itu dan kayu yang perayu dapati di kawasan kejadian. Kemudian Sasi mengambil parang tersebut dan melibas SP10 dan SP10 telah melarikan diri. Pada masa itu, mangsa telah meluru ke arah perayu sambil mengeluarkan sesuatu dari pinggangnya. Melihat keadaan itu, Sasi telah melibas beberapa kali ke arah mangsa. Sasi kemudian mengejar SP10. Perayu pula cuba memukul mangsa dengan kayu yang dipegangnya tetapi dihalang oleh ibu mereka. Tiba-tiba perayu telah melihat mangsa terjatuh. Sasi telah datang balik ke tempat mangsa jatuh dan melibas parang tersebut kepada mangsa. Perayu menarik Sasi dan menyuruh rakannya itu beredar dari situ.

[20] Kemudiannya perayu beredar dari situ dan menaiki bas di Pudu Raya untuk ke rumah kawannya untuk berlindung. Perayu takut kerana mangsa adalah anggota kongsi gelap dan anggota-anggota lain kongsi gelap itu akan mencari dia. Namun dia tidak tahu bahawa apa yang berlaku telah menyebabkan mangsa mati. Dua hari kemudian perayu terbaca dalam akhbar

Tamil bahawa mangsa telah mati. Perayu kemudian berhubung dengan ahli keluarganya dan diberitahu kongsi gelap 'Geng 04' sedang mencari perayu. Ahli keluarga memberitahu supaya perayu tidak balik buat seketika kerana bimbang keselamatan perayu. Tiga minggu kemudian, perayu tahu dia dicari pihak polis apabila melihat gambarnya di akhbar. Perayu kemudian telah menyerah diri kepada polis.

DI AKHIR PEMBELAAN

[21] Di akhir kes pembelaan, HMT yang bijaksana telah meneliti semua keterangan di akhir kes pendakwaan dan pembelaan secara penilaian maksimum. Menilai semua keterangan secara maksimum, HMT yang bijaksana berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah. Sementara pihak pembelaan tidak pula menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan.

[22] Meneliti pembelaan yang dikemukakan perayu, HMT yang bijaksana mendapati pembelaan yang dibangkitkan oleh perayu tidak pernah ditimbulkan ketika mana-mana saksi pihak pendakwaan memberikan keterangan. Mereka tidak disoal balas ketika itu berkenaan pembelaan yang dibawa oleh perayu. Perkara-perkara berikut yang ditimbulkan perayu untuk pembelaannya tidak pernah ditanya kepada mana-mana saksi pihak pendakwaan:

(a) SP10 mengambil parang dari kereta Hilux;

(b) mangsa menendang ibu mereka dan ini membuat perayu marah;

(c) perayu hanya menggunakan kayu untuk memukul mangsa;

(d) Sasi mengambil parang yang jatuh ketika SP10 mengambilnya;

(e) Sasi melibas parang ke arah SP10 bukannya perayu;

(f) mangsa mengambil sesuatu dari pinggangnya dan pergi ke arah perayu;

(g) Sasi melibas parang ke arah mangsa dan bukannya perayu; dan

(h) mangsa adalah ahli kongsi gelap dan perayu takut ahli-ahli kongsi gelap lain akan mencarinya.

[23] Semasa SP4, SP6 dan SP10 memberi keterangan di peringkat kes pendakwaan, mereka tidak pernah disoal balas berkenaan perkara-perkara di atas yang menjadi asas pembelaan perayu. Oleh yang demikian, pembelaan perayu menurut HMT yang bijaksana adalah difikirkan kemudian ('afterthought') dan rekaan semata-mata.

[24] Di samping itu HMT yang bijaksana mendapati perbuatan SP10 seperti pembelaan perayu adalah tidak munasabah dan logik kerana pertengkaran adalah antara perayu dan mangsa. SP10 hanya orang yang menemani mangsa dan tidak mungkin mahu menimbulkan pergaduhan yang lebih besar dengan mengambil parang untuk memulakan pergaduhan ini.

[25] HMT yang bijaksana juga percaya punca utama pergaduhan adalah perebutan lori antara perayu dan mangsa yang berada di bangunan tersebut. Ianya bukan seperti dibangkitkan oleh perayu kerana mangsa telah menendang ibu mereka dan ini telah membangkitkan kemarahan perayu.

KEPUTUSAN KAMI

[26] Pertamanya, adalah jelas bahawa HMT yang bijaksana tidak khilaf apabila menerangkan terdapat empat elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan untuk pertuduhan dibuktikan terhadap perayu. Elemen-elemen ini telah dengan betulnya didapati oleh HMT yang bijaksana seperti disenaraikan di atas. Di samping itu, berdasarkan keterangan yang ada seperti diterangkan di atas, HMT yang bijaksana juga tidak khilaf apabila mendapati keempat-empat elemen tersebut telah dibuktikan secara prima facie untuk perayu dipanggil membela diri. Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan seperti yang ditunjukkan di atas juga adalah lebih dari mencukupi untuk membuktikan satu kes prima facie di akhir kes pendakwaan.

[27] Sehubungan dengan perkara di atas juga, HMT yang bijaksana telah dengan betulnya mengambil perhatian tentang s 180 Kanun Tatacara Jenayah yang menyebut seperti berikut:

(a) apabila kes bagi pendakwaan ditutup, mahkamah hendaklah menimbangkan sama ada pendakwa telah membuat suatu kes prima facie terhadap tertuduh;

(b) jika mahkamah mendapati bahawa pendakwa masih belum membuat suatu kes prima facie terhadap tertuduh, mahkamah hendaklah merekodkan suatu perintah pembebasan;

(c) jika mahkamah mendapati bahawa suatu kes prima facie telah dibuat terhadap tertuduh atas kesalahan yang didakwa, maka mahkamah hendaklah memanggil tertuduh untuk memasukkan pembelaannya; dan

(d) bagi maksud seksyen ini, suatu kes prima facie adalah dibuat terhadap tertuduh di mana pendakwa telah mengemukakan keterangan kukuh yang membuktikan setiap satu faktor kesalahan yang jika tidak dipatahkan atau diterangkan akan mewajarkan suatu sabitan.

[28] Di samping itu, HMT yang bijaksana juga dengan betulnya telah mengambil langkah-langkah yang perlu di akhir kes pendakwaan dengan merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800 berkenaan apa yang diperlukan di akhir kes pendakwaan. Kes ini menyatakan seperti berikut:

> [51] In dealing with the question as to the position of the law at the end of the prosecution's case and the steps to be taken by the trial judge, useful reference may be made to the judgment of this court in *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 where the following pronouncements were made:
>
> (a) in deciding whether a prima facie case has been established under the new s 180 of the CPC, a maximum evaluation of all the evidence adduced by the prosecution must be done and a prima facie case is one that is sufficient for the accused to answer, and the evidence adduced must be such that it can only be surmounted by evidence in rebuttal.
>
> (b) if the evidence is unrebutted, and the accused remains silent, he must be convicted. Therefore, the test to be applied at the end of the prosecution's case is whether there is sufficient evidence to convict the accused if he chooses to remain silent, which if answered in the affirmative, means that a prima facie case has been made out.
>
> (c) whenever the accused has chosen to remain silent, there is no necessity to re-evaluate the evidence to determine whether there is a reasonable doubt in the absence of any further evidence.

[29] HMT yang bijaksana juga telah dengan betulnya merujuk kepada s 300 Kanun Keseksaan mengenai kesalahan membunuh yang dihadapi oleh perayu dimana seksyen ini menyebut:

> *Kecuali dalam hal-hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, mematikan orang dengan salah ialah membunuh orang —*
>
> (a) jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian;
>
> (b) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang pesalah itu ketahui mungkin menyebabkan kematian orang yang dikenakan bencana itu;
>
> (c) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh kepada seseorang, dan bencana tubuh yang dimaksud hendak dikenakan itu adalah cukup pada lazimnya bagi bagi menyebabkan kematian; atau
>
> (d) jika orang yang melakukan perbuatan itu ketahui bahawa perbuatan itu adalah sebegitu sekali berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian atau sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian dan ia melakukan perbuatan itu dengan tiada apa-apa sebab bagi mendatangkan bahaya menyebabkan kematian dan ia melakukan

perbuatan itu dengan tiada apa-apa sebab bagi mendatangkan bahaya menyebabkan kematian atau bencana sebagaimana tersebut itu. (Penekanan ditambah.)

[30] Merujuk kepada seksyen di atas, HMT yang bijaksana telah menerangkan bahawa pihak pendakwaan bergantung kepada s 300(c) Kanun Keseksaan seperti yang ditunjukkan di atas bagi membuktikan kes terhadap perayu. Seperti yang disebutkan terdahulu, HMT yang bijaksana telah menyenaraikan empat elemen untuk dibuktikan pihak pendakwaan untuk s 300(c) Kanun Keseksaan dipenuhi. Elemen-elemen ini, seperti yang dinyatakan telah pun dengan betulnya disenaraikan oleh HMT yang bijaksana seperti yang disebutkan terdahulu. Kami juga telah menyatakan bahawa dengan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan seperti yang ditunjukkan, setiap elemen ini telah dibuktikan. Kami tidak mempunyai sebab untuk mempertikaikan bahawa elemen-elemen ini telah dibuktikan berdasarkan keterangan saksi-saksi yang nampak kejadian, seperti dikemukakan pihak pendakwaan.

[31] Mengenai niat misalnya yang disebutkan dalam s 300(c) Kanun Keseksaan, HMT yang bijaksana telah dengan betulnya merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan iaitu *Sainal Abidin bin Mading v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 497 yang menyatakan:

> Intention is a matter of inference. In the instant case, the trial judge had carefully considered the evidence of the doctor (medical evidence), the evidence of the eye-witnesses and the appellant on the issue of intention. After considering the nature of the injuries sustained by the deceased, the number of wounds and the weapon used, the trial judge had correctly regarded the nature of the injuries sustained by the deceased as an indicator of intention. The trial judge was correct in concluding that the appellant possessed the intention of causing such bodily injuries to the deceased and that such injuries were sufficient in the ordinary course of nature to cause death.

[32] Mengambil kira kes di atas, di dalam kes rayuan di hadapan kami juga HMT yang bijaksana telah menyatakan tentang keterangan SP16 mengenai hasil bedah siasat, keterangan saksi-saksi yang nampak kejadian, kecederaan yang dialami mangsa, jumlah kecederaan, senjata yang digunakan dan apa yang disebutkan perayu ketika menggunakan parang iaitu 'mati-mati'. Ini semua menunjukkan niat perayu untuk mencederakan mangsa (bencana tubuh) dan perayu tahu kecederaan yang dialami mangsa pada lazimnya boleh membawa kepada kematian. Di samping itu, kematian mangsa menurut SP16 adalah akibat 'hemorrhagic shock due to multiple slash wound' yang disebabkan 'heavy short long bladed weapon'.

[33] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Zulkiple bin Mohamad v Public*

Prosecutor [2022] 1 MLJ 479; [2022] 1 CLJ 673 juga telah menerangkan dengan jelas keperluan s 300(c) Kanun Keseksaan, peruntukan yang sama dalam kes di hadapan kami. Dalam kes ini diputuskan seperti berikut:

> It is irrelevant and totally unnecessary to enquire into what kind of injury the accused intended to inflict. The question is not whether the intention of the accused is to inflict a serious injury or a trivial one but whether he intended to inflict the injury that is proved to be present. In the present case, the injuries that were proved to be present and which the appellant intended to inflict were the injuries on the deceased's head which fractured her skull. Where the prosecution relies on cl (c) of s 300 of the PC, it is not required to prove intention to cause bodily injury of a kind that is sufficient in the ordinary course of nature to cause death. In the context of the present case, proof of that intention was the appellant's deliberate act of hitting the deceased 37 on her head with the baseball bat, which was totally unrelated to the question whether he intended to cause injury that was sufficient to cause death in the ordinary course of nature. Even if the appellant had not intended to cause injury that was sufficient to cause the deceased's death in the ordinary course of nature, or had no knowledge that death would be the likely result, his act would still be murder under cl (c) of s 300 of the PC if otherwise his act of hitting the deceased's head with the baseball bat was intentional and not accidental, or that he intended to cause some other kind of injury. It follows that where the case falls under cl (c) of s 300 of the PC, there is no requirement for the prosecution to prove intention to cause death under cl (a), or knowledge of the likelihood of death under cl (b) or knowledge of the imminent danger of the act under cl (d). *What the prosecution needed to prove in order to bring the case under cl (c) of s 300 is to show that the injury proved to be present was caused intentionally and not accidentally and that the injury was sufficient in the ordinary course of nature to cause death*. (Penekanan ditambah.)

[34] Berdasarkan kes di atas, perbuatan perayu mencederakan mangsa dengan parang dan melanggar mangsa bukanlah satu kemalangan yang tidak disengajakan dan kecederaan yang dialami mangsa adalah kerana niat perayu mendatangkan kecederaan yang pada lazimnya boleh membawa kematian.

[35] Terdapat hujahan oleh perayu di Mahkamah Tinggi dan di ms 54 hujahan bertulis perayu di hadapan kami bahawa jika mangsa dibawa lebih awal ke hospital, dia mungkin dapat diselamatkan. Pertamanya amat mustahak diingat, hujahan ini bermakna perayu menyalahkan orang lain kerana kematian mangsa akibat perbuatannya sendiri mencederakan mangsa. Keduanya, isu dimana mangsa perlu diselamatkan tidak akan timbul langsung jika perayu tidak mencederakan mangsa hingga membawa maut. Ketiganya perbuatan jenayah yang dilakukan oleh perayu tidak seharusnya meletakkan dan menjadikan orang lain menanggung beban menyelamatkan mangsa. Perbuatan orang lain memanggil ambulans dan membantu menyelamatkan mana-mana mangsa, biasanya akan berlaku dan telah pun berlaku di dalam kes ini. Namun begitu, mereka tidak seharusnya menjadi lebih terbeban dalam menyelamatkan mangsa kerana mereka sememangnya sudah pun melaksanakan tanggungjawab membantu mangsa dan ini semua dilakukan

akibat perbuatan perayu itu sendiri menggunakan parang yang tidak sepatutnya berlaku dari awal lagi. Keempatnya, tidak boleh dikatakan berlaku kelewatan membawa mangsa ke hospital kerana mangsa sememangnya dibawa ke hospital sejurus selepas kejadian. Di samping itu, perayu pada hakikatnya tidak mencabar keterangan bahawa kecederaan yang dialami mangsa akibat perbuatan perayu pada lazimnya boleh menyebabkan kematian mangsa. Malahan di dalam huraian 2 s 299 Kanun Keseksaan dinyatakan seperti berikut:

> Jika kematian disebabkan oleh kecederaan tubuh, maka orang yang menyebabkan kecederaan tubuh itu hendaklah disifatkan sebagai telah menyebabkan kematian itu, *walaupun sekiranya dengan pertolongan ubat- ubat yang secukupnya dan rawatan yang cekap, kematian itu mungkin dapat dielakkan*. (Penekanan ditambah.)

[36] Mengenai Allagamah a/p Karuppiah ('Allagamah') yang merupakan ibu mangsa dan perayu yang tidak dapat dipanggil sebagai saksi pembelaan setelah ditawarkan oleh pihak pendakwaan sendiri, pertamanya, amat mustahak sekali diperhatikan dan dirumuskan apa yang boleh dilakukan oleh pembelaan sekiranya ibu mangsa dan perayu ini dapat memberikan keterangan sekalipun untuk pembelaan. Ibu mereka mungkin dapat berkata dan menyokong keterangan bahawa Sasi dan bukannya perayu yang telah mencederakan mangsa sehingga membawa maut. Namun demikian, keterangan ini akan bertentangan sekali dengan keterangan SP4, SP6 dan SP10. Perlu diingat SP4 adalah saksi bebas yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan mangsa atau perayu. Keterangan SP4 telah diterima oleh HMT. HMT yang berpeluang menilai keterangan dan juga kelakuan/tindaktanduk (*conduct/demeanour*) SP4, mendapati beliau seorang saksi yang 'credible' dan tiada alasan kukuh untuk tidak menerima keterangan beliau. Kami mendapati tiada sebab untuk mempertikaikan dapatan HMT tersebut. Oleh itu sekiranya ibu mereka memberikan keterangan untuk perayu seperti itu, ianya masih tidak boleh mengatasi keterangan saksi bebas tersebut yang nampak kejadian itu di mana perayu yang mencederakan mangsa dan bukannya Sasi. Lebih-lebih lagi Sasi tidak dipanggil sebagai saksi pembelaan untuk menyokong keterangan ibu mereka jika ada sekalipun. Pada hemat kami, keterangan ibu mangsa jika ada sekalipun tidak akan membangkitkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Ini kerana terdapat tiga saksi lain yang nampak perayu mencederakan mangsa dan bukannya Sasi. Ini termasuk saksi bebas iaitu SP4.

[37] Perayu juga tidak boleh menghujahkan bahawa apabila seseorang saksi ditawarkan kepada pihak pembelaan, maka pihak pendakwaan mesti memastikan saksi itu sentiasa ada untuk dipanggil oleh pihak pembelaan. Perlu dilihat apa kesan sebenar jika ketiadaan saksi ini setelah ditawarkan. Apakah jenis keterangan yang boleh diberikan oleh saksi ini? Adakah saksi ini akan menjejaskan kes pendakwaan jika dia dapat dipanggil sebagai saksi? Adakah saksi ini dapat menimbulkan keraguan munasabah jika dia dapat memberikan

keterangan? Adakah keterangan saksi ini jika ada, dapat mematahkan keterangan saksi pihak pendakwaan? Semua ini harus dikaji dan perayu tidak boleh sewenang-wenangnya berhujah kerana ketiadaan saksi ini, maka ianya telah memprejudiskan pembelaan perayu.

[38] Sehubungan dengan ini, di Mahkamah Tinggi, peguam perayu telah merujuk kepada dua kes iaitu *Asnawi bin Yusuf v Public Prosecutor* [2011] MLJU 492; [2012] 3 CLJ 41 dan kes *Salahuddin bin Orah v Pendakwa Raya* [2015] MLJU 2158; [2015] 1 LNS 778 untuk menghujahkan bahawa apabila seorang saksi telah ditawarkan oleh pihak pendakwaan maka pihak pendakwaan mempunyai tanggungjawab memastikan kehadiran saksi tersebut di mahkamah. Berkenaan perkara ini, berpandukan dua kes di atas, kami berpendapat bahawa HMT yang bijaksana telah dengan betulnya mendapati bahawa saksi yang ditawarkan oleh pihak pendakwaan itu mesti merupakan saksi penting yang dapat menimbul keraguan yang munasabah untuk pembelaan. Kedudukan Allagamah dari segi undang-undang seperti yang telah dinyatakan di atas, tidak akan dapat membantu pembelaan perayu kerana terdapat tiga saksi termasuk saksi bebas, SP4 yang melihat perayu sendiri mencederakan mangsa. Oleh itu, ketiadaan Allagamah sebagai saksi pembelaan tidak memberi kesan kepada pembelaan perayu.

[39] Undang-undang adalah mantap bahawa keseluruhan keterangan yang ada hendaklah diambil kira walaupun mana-mana saksi yang telah ditawarkan oleh pihak pendakwaan tidak dapat memberikan keterangan bagi pihak pembelaan. Ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Mogan Raj a/l Ravi & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2020] MLJU 48; [2020] 3 CLJ 240 seperti berikut:

> It is the bounden duty of the prosecution to secure the attendance of witnesses once they are offered as witnesses to the defence. However, this must be tied to the efforts, or the lack of them, made by the prosecution to do that. In other words, adverse reference could not be raised simply on a failure per se to make an offered witness available to the defence and, in this case, it was no fault of the prosecution that such evidence was not presented to the court. *The overwhelming evidence against the appellants qualified the exception that a conviction would be upheld despite a misdirection where the court is satisfied that a reasonable tribunal would have convicted the accused on the available evidence on a proper direction*. (Penekanan ditambah.)

[40] Mengenai perkara ini juga pegawai penyiasat SP13 juga memberikan keterangan bahawa usaha telah dibuat bagi mengesan Allagamah a/p Karuppiah tetapi tidak berjaya. Usaha-usaha ini termasuk mengesan Allagamah menurut alamat yang diberikan ketika Allagamah memberikan kenyataannya kepada polis. Allagamah juga sudah cuba dikesan melalui alamat-alamat lain kerana dia pernah membuat laporan polis. SP13 juga cuba mengesan Allagamah melalui nombor telefon yang diberikan olehnya ketika

dia membuat laporan polis. Dia juga telah cuba dikesan melalui alamat anak-anaknya yang lain. Bukti carian atau cubaan untuk mengesannya telah dikemukakan sebagai eksh 49. SP13 juga cuba mengesan dia melalui nombor-nombor telefon anak-anaknya. Dia juga cuba dikesan dengan pengumuman di akhbar *Berita Harian* dan *Harian Metro* pada 28 April 2018 seperti ditunjukkan dalam eksh 57. Semakan dengan Jabatan Imigresen juga telah dijalankan seperti ditunjukkan dalam eksh P58. SP13 juga membuat carian sama ada terdapat laporan polis tentang kehilangan Allagamah tetapi tiada terdapat apa-apa laporan mengenainya.

[41] Peguam perayu berhujah di Mahkamah Tinggi bahawa semua usaha mengesan ini tidak mencukupi kerana pihak polis tidak menyiasat tentang laporan polis yang dibuat oleh Allagamah bahawa dia diugut untuk dibunuh oleh seorang lelaki supaya memberitahu di mana perayu bersembunyi. Jika tidak memberikan maklumat tersebut, dia akan dibunuh. Menurut peguam perayu, ini menunjukkan kemungkinan Allagamah disembunyikan oleh pihak tertentu.

[42] Kami bersetuju dengan dapatan yang dibuat oleh HMT yang bijaksana bahawa segala yang perlu telah dilakukan oleh pihak pendakwaan untuk mencari Allagamah. HMT yang bijaksana telah dengan betulnya mendapati SP13 telah melakukan usaha-usaha yang baik dan bersungguh-sungguh untuk mencari Allagamah. HMT yang bijaksana juga dengan betulnya telah mendapati ketiadaan Allagamah ini tidak boleh menjadi alasan untuk mahkamah membuat andaian terdapat 'suppression of evidence'. Sehubungan dengan ini, Mahkamah Agung dalam kes *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492 telah memutuskan seperti berikut:

> It is essential to appreciate the scope of s 114(g) of the Evidence Act 1950 lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but a material document by a party in his possession nor for non-production of just any witness but only an important and material witness to the case.

[43] Dalam kes *Siew Yoke Keong v Public Prosecutor* [2013] 3 MLJ 630 Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> [41] The complaint here is the failure of the prosecution to call Chantana. In submitting on the failure to invoke the adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act on account of the prosecution's failure to call Chantana, learned counsel actually repeated in substance his submissions in the courts below. We are unable to accept the submission of learned counsel. Firstly, we need to reiterate that adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act can only be drawn if there has been withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence (see *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492 at p 494

(SC), *Mohd Shamshir bin Md Rashid v Public Prosecutor* [2008] 5 MLJ 80; [2008] 5 AMR 29 (CA)). In the instant appeal we find no such withholding or suppression of evidence. In its judgment the Court of Appeal said:

> Dalam kes sekarang ini hakim perbicaraan berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah pun berusaha untuk mengemukakan isteri perayu itu sebagai saksi tetapi telah gagal mengesan beliau, dan oleh itu, beliau memutuskan bahawa keterangan saksi itu bukanlah 'keterangan yang boleh dikemukakan tetapi tidak dikemukakan' dalam pengertian s 114(g) tersebut. Kami bersetuju. Tiada keterangan dikemukakan bahawa pihak pendakwa telah dengan sengaja menyekat pengemukaan Chantana sebagai saksi. Sebaliknya, keterangan SP10 jelas menunjukkan segala usaha yang munasabah telah diambil untuk mengesannya tetapi gagal.

[44] Berdasarkan dua kes di atas, ketiadaan Allagamah untuk dipanggil menjadi saksi pembelaan juga tidak bermakna terdapat 'suppression of evidence'. Usaha yang mencukupi telah dibuat untuk mencari Allagamah oleh SP13 dan pihak pendakwaan tidak boleh dipersalahkan mengenai perkara ini.

[45] Perayu di hadapan kami, membangkitkan keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan yang bertentangan dengan rakaman CCTV yang ada berkenaan kejadian. perayu menghujahkan rakaman CCTV menunjukkan tiada kejadian perayu menyepak SP6. Perlu diperhatikan sama ada CCTV merakamkan kejadian menyepak ini atau tidak, ia tidak menjejaskan kes pendakwaan. Di samping itu, walaupun CCTV ini tidak merakamkan kejadian mangsa dicederakan, hakikatnya tiga saksi, iaitu SP4, SP6 dan SP10 melihat kejadian perayu mencederakan mangsa yang akhirnya menyebabkan kematian mangsa. CCTV sudah tentunya tidak boleh merakamkan semua kejadian kerana kawasan liputannya adalah terhad.

[46] Perayu juga di ms 16 hujahan bertulis berhujah bahawa keterangan SP6 adalah bercanggah dengan rakaman CCTV tersebut kerana tidak kelihatan perayu mengambil parang dan telah berlaku pengelutan. Mengenai perkara ini, seperti yang dinyatakan, di perenggan di atas, CCTV tidak boleh membuat rakaman semua kejadian kerana liputannya yang terhad. Apa yang lebih mustahak ialah tiga orang saksi nampak kejadian perayu menggunakan parang dan mencederakan mangsa. Ini termasuk saksi bebas, SP4, ketua pengawal keselamatan di bangunan Avon, iaitu tempat kejadian.

[47] Mengenai percanggahan keterangan saksi pula, ini adalah perkara biasa. Namun demikian, ini tidak bermakna keterangan seorang saksi boleh diketepikan begitu sahaja seperti yang diterangkan oleh Hakim Raja Azlan Shah (beliau ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15, dimana dinyatakan:

> In this case different witnesses have testified to different parts of what had happened or what had been said and also there are, in the evidence of the witnesses for the prosecution, some discrepancies, as would be expected of witnesses giving their recollections of a series of events that took place in 1971–1973. *In my opinion screpancies there will always be, because in the circumstances in which the events happened, every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every single thing that happened*. It may be open to criticism, or it might be better if they took down a notebook and wrote down every single thing that happened and every single thing that was said. But they did not now that they are going to be witnesses at this trial. I shall be almost inclined to think that if there are no discrepancies, it might be suggested that they have concocted their accounts of what had happened or what had been said because their versions are too consistent. *The question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient to destroy their credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent, for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other. It is, therefore, necessary to scrutinize each evidence very carefully as this involves the question of weight to be given to certain evidence in particular circumstances* ... (Penekanan ditambah.)

[48] Perayu juga di ms 17 hujahan bertulis perayu telah mempertikaikan keterangan SP10 yang menyatakan dia nampak kejadian perayu menetak mangsa. Ini dipertikaikan apabila CCTV ditunjukkan. Sekali lagi perlu dijelaskan CCTV tidak dapat merakamkan kedudukan semua orang apabila kejadian berlaku. Jika sekali pun SP10 tidak ditunjukkan berkedudukan sesuai untuk melihat kejadian melalui rakaman CCTV, ini tidak bermakna SP10 tidak melihat kejadian perayu menetak mangsa dengan parang. Malahan SP10 menafikan keterangannya bertentangan dengan apa yang ditunjukkan dalam CCTV.

[49] Di ms 31 hujahan bertulis perayu, mengenai kawat cam, perayu mempertikaikan kedudukan 'tattoo' di tangan perayu yang dikatakan dilihat oleh SP4. Ini adalah perkara yang remeh untuk ditimbulkan oleh perayu. SP4 merupakan saksi bebas yang dengan jelasnya memberi keterangan dia nampak perayu menetak mangsa menggunakan parang. Keterangan ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja dan tiada sebab untuk meragui keterangannya. Apakah atau dimana kedudukan 'tattoo' di tangan perayu tidak menjejaskan hakikat SP4 nampak perayu menetak mangsa. Malahan, ketika disoal balas, SP4 menyatakan dia dapat mengecam perayu walaupun jika perayu tidak mempunyai 'tattoo'.

[50] Peguam perayu juga di ms 36 hujahan bertulis perayu telah merujuk kepada kejadian di Mahkamah Tinggi ketika SP4 memberi keterangan di mana apabila tidak tahan dengan kesejukan di dalam mahkamah, SP4 telah memohon meminjam 'sweater' dari orang yang datang ke mahkamah. Peguam perayu berhujah secara remeh dengan menyatakan SP4 telah mengenali keluarga mangsa untuk meminjam 'sweater' tersebut. Peguam perayu berhujah

ini menjejaskan kredibiliti SP4. Sementara SP4 berkata dia datang memberikan keterangan tanpa mengenali sesiapa di mahkamah dan dia telah meminjam 'sweater' tersebut dari orang di mahkamah kerana kesejukan. Hujah peguam perayu ini terlalu remeh dan terdesak dan seharusnya tidak diterima.

[51] Sehubungan dengan ini kredibiliti mana-mana saksi, termasuk SP4 adalah hak HMT yang bijaksana untuk menilai dan membuat dapatan seperti yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2015] 2 MLJ 293:

> [56] It is a settled principle of law that credibility of a witness is the domain of the trial judge and an appellate court should be slow in interfering with the findings of the trial judge who has the audio visual advantage.

[52] Peguam perayu juga telah membawa isu tentang kekeliruan HMT yang bijaksana di ms 45 hujahan bertulis perayu tentang pembelaan perayu. Dihujahkan bahawa HMT khilaf apabila beranggapan pembelaan perayu ialah Sasi yang telah mengambil parang dari kereta. Sebenarnya menurut peguam perayu yang mengambil parang ialah SP10 dan parang itu telah dirampas dari tangan SP10 oleh Sasi. Dihujahkan juga HMT yang bijaksana mengakui kesilapannya ini.

[53] Mengenai hujah ini, apabila diteliti nota keterangan, kami mendapati kedua-dua peguam perayu dan juga timbalan pendakwa raya telah menerangkan kepada HMT yang bijaksana bahawa pembelaan perayu mengenai perkara ini ialah Sasi yang merampas parang dari SP10. Apabila perkara ini diterangkan kepada beliau, HMT yang bijaksana menangguhkan kes untuk mengkaji semula keterangan yang diberikan. Beliau kemudian menerima kekeliruan yang timbul tetapi menegaskan sama ada pembelaan bahawa Sasi merampas parang dari SP10 ini boleh menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Kami berpendapat apa yang dilakukan oleh HMT yang bijaksana adalah betul dan kami mendapati walaupun pembelaan perayu bahawa Sasi telah merampas parang dari SP10, ini tidak menimbulkan keraguan yang munasabah. Ini kerana seperti yang dinyatakan sebelum ini, terdapat tiga saksi termasuk saksi bebas SP4 yang nampak perayu yang telah menggunakan parang tersebut untuk mencederakan mangsa dan bukannya Sasi. Malahan di dalam alasan penghakiman beliau, HMT yang menyatakan seperti berikut:

> Setelah dinilai perkara-perkara berikut tidak dibangkitkan oleh Tertuduh semasa kes pendakwaan:
>
> (a) Perbuatan SP10 yang dikatakan mangambil parang di bonet kereta Hilux simati ...

[54] Ini dengan jelas menunjukkan bahawa HMT yang bijaksana telah memahami pembelaan perayu berkenaan perkara ini dan tiada kekhilafan telah berlaku.

[55] Di ms 50 hujahan bertulis perayu pula, peguam perayu membangkitkan isu tentang 'dying declaration' dari mangsa yang dikatakan meragukan dan dikatakan keraguan ini tidak diberikan penekanan oleh HMT yang bijaksana. Ini berkenaan 'dying declaration' oleh mangsa kepada SP3 sebelum meninggal dunia dengan berkata:

> 'Saya telah ditetak oleh saudara saya'.

[56] Peguam perayu berhujah 'dying declaration' ini telah dicabar di mahkamah kerana mangsa tidak menyatakan dia ditetak oleh adiknya sendiri tetapi saudaranya dan SP3 tidak mencatitkan 'dying declaration' ini di dalam 'pocket diary' SP3.

[57] Mengenai perkara ini, SP3 hanyalah anggota polis yang telah diarahkan ke tempat kejadian dan telah mendengar dari mangsa sendiri bahawa dia ditetak oleh saudaranya. Tidak ada sebab untuk mempertikaikan keterangan SP3 ini. Lagi pun kes pendawaan bukan disandarkan dengan kuat kepada 'dying declaration' tetapi kepada tiga saksi yang nampak perayu menggunakan parang terhadap mangsa termasuk saksi bebas SP4.

[58] Apabila s 300 Kanun Keseksaan diambil kira, adalah relevan juga untuk diperhatikan perbuatan mematikan orang dengan salah adalah satu kesalahan yang disebut di dalam s 299 Kanun Keseksaan seperti berikut:

> Barang siapa yang menyebabkan kematian dengan melakukan suatu perbuatan dengan niat hendak menyebabkan kematian atau dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian atau dengan mengetahui bahawa ia mungkin dengan jalan perbuatan itu menyebabkan kematian *adalah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah*. (Penekanan ditambah.)

[59] Inti pati pembelaan juga telah diambil kira oleh HMT yang bijaksana seperti dinyatakan di atas. Mengambil kira kecederaan yang dialami mangsa dengan parang yang digunakan, pembelaan utama perayu ialah dia langsung tidak menggunakan parang itu untuk mencederakan mangsa. Sebaliknya rakannya, Sasi yang telah menggunakan parang itu untuk mencederakan mangsa hingga mati akibat kecederaan yang dialaminya. Hakikatnya pembelaan ini timbul hanya apabila perayu membela diri. Pembelaan ini langsung tidak ditimbulkan semasa saksi-saksi pihak pendakwaan memberikan keterangan. Lebih-lebih lagi apabila SP4, SP6 dan SP10

memberikan keterangan mereka bahawa mereka melihat perayu menggunakan parang untuk mencederakan mangsa. Berkenaan perkara ini, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212 menyatakan:

> On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony.

[60] Mahkamah Rayuan pula dalam kes, *Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya* [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154, melalui Abdull Hamid Embong HMR (beliau ketika itu) telah memutuskan seperti berikut:

> Although in our criminal jurisprudence, there is no burden on an accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to his guilt, it is trite that his defence should be put to the prosecution at an early stage during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought, or a recent invention as happened in this case.

[61] Pembelaan bahawa rakan perayu, Sasi yang telah mencederakan mangsa juga tidak mempunyai nilai kerana perayu tidak memanggil saksi yang nampak kejadian tersebut kecuali dirinya. Sudah tentu perayu memberikan keterangan bahawa rakannya ialah orang yang mencederakan mangsa dan bukan dirinya sendiri. Malangnya tiada saksi lain yang dapat menyokong keterangan perayu ini.

[62] Akibatnya pembelaan perayu hanya penafian semata-mata iaitu dia menafikan dia yang mencederakan mangsa hingga mati dan rakannya yang melakukan perbuatan tersebut. Walaupun begitu, ini tidak mungkin kerana alasan yang kami berikan di atas. Pembelaan penafian semata-mata ini disentuh di dalam kes *Mr Losali v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 694; [2012] 2 CLJ 178, di mana Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> Having considered the defence of the appellant, the learned trial judge rightly came to the conclusion that the appellant failed to raise any reasonable doubt that the appellant was in fact actively involved and was the principal organiser in supplying the drugs in question. The learned trial judge rightly held that the defence of the appellant was a bare denial. It is trite law that the defence of bare denial is no defence. What this amounts to is this. That the appellant did not offer any explanation to the two charges and merely denied the evidence advanced by the prosecution. That was indeed a perilous course to undertake. The bare denial cannot in law raise a reasonable doubt and the appellant must be convicted for both the charges.

A KESIMPULAN

[63] Adalah amat penting diingat bahawa pembelaan utama perayu ialah Sasi yang telah menggunakan parang untuk mencederakan mangsa hingga membawa maut dan bukannya perayu. Namun pembelaan ini tidak pernah dikemukakan kepada mana-mana saksi pendakwaan ketika mereka memberikan keterangan termasuk SP4, SP6 dan SP10 yang sebaliknya nampak perayu dan bukan Sasi menggunakan parang tersebut terhadap mangsa.

[64] Berdasarkan perkara di atas, keseluruhan keterangan yang ada dan penjelasan yang kami telah berikan secara keseluruhannya, kami tidak dapat menyatakan perayu telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Kami dapati kes pendakwaan sebaliknya telah dibuktikan tanpa keraguan munasabah dan dengan itu kami sebulat suara bersetuju dengan dapatan dan keputusan Mahkamah Tinggi dan mengekalkan sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi.

Sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali